

→ LAPORAN KHAS

Sungai Perak semakin cetek, lesu

→ Mendapan di sepanjang aliran punca laluan air kian mengecil

Oleh Shamsul Kamal Amarudin
shaka@nstp.com.my

* Bota

Sungai Perak yang menjadi nadi kehidupan penduduk negeri ini sejak berkurun lalu kini semakin lesu dengan alirannya di beberapa tempat akan-akan tidak bermaya.

Kedua itu diburukkan lagi dengan pembentukan pulau baharu akibat mendapan di sepanjang aliran hingga mengundang pencerobahan, selain ada laluan menjadi cetek mencapai paras lutut lelaki dewasa.

Malah, tunting iaitu spesies labi-labi yang sebelum ini kerap mendarat di tebing sungai di kawasan dinamakan Pasir Telur berdekatan pekan Bota Kanan, hanya tinggal sejarah, kerana haiwan itu tidak lagi ke situ bertukar air semakin cetek dan kotor.

Tinjauan BH di kawasan Pasir

Telur itu mendapati ia sudah dijadikan kandang terrakan haiwan oleh penduduk yang kini terbiar dan dipenuhi hutan belukar.

Malah, ketika tinjauan dilakukan, kelihatan enam ekor anak babi hutan sedang berlari-lari di kawasan berkenaan.

Satu-satunya cara untuk melihat tunting di Sungai Perak ialah dengan mengunjungi Pusat Konservasi Hidupan Liar (Tunting) yang terletak berhampiran lokasi berkenaan.

Sedalam paras lutut

Di Kampung Teluk Bakong pula, tinjauan mendapati kawasan air paling cetek berada di bawah paras lutut orang dewasa, selain menjadi laluan air paling sempit Sungai Perak di daerah Perak Tengah.

Seorang penduduk asal Kampung Teluk Bakong, Aliang Ibrahim Yop Ariffin, 69, berkata sebelum ini air di situ agak dalam dan menjadi kegemaran penduduk kampung untuk menangkap ikan kerana ia dihuni pelbagai spesies ikan, terutama haruan dan keili.

"Dahulu, kalau air paling cetek ialah pada paras dada orang dewasa, kadang-kadang kaki tidak jejak tanah (dasar sungai), apabila air pasang jadi dalam lagi."

"Sekarang, cetek sebab saliran sudah terhalang akibat pemadapan. Ada pula tanah gambut di tebing sungai, sampai boleh jadi

pulau yang bercantum dengan tebing, sudah jadi tanah baharu.

Ikan berkurangan, pupus

"Dahulu ada ikan haruan dan keili boleh ditangkap, bolehlah untuk makan atau dijual sikit, tetapi sekarang sudah tiada ikan sebab sungai terlalu cetek, ikan susah untuk hidup, tidak boleh bernafas," katanya yang lahir dan tinggal di kampung berkenaan.

Aliang berkata, sekarang jika mahu mendapatkan ikan, dia dan penduduk kampung di situ mencarinya di kawasan sawah tetapi hanya untuk memperoleh ikan sepatut dan anak haruan.

Berdasarkan tinjauan Google Maps pula, didapati terdapat 128 pulau yang terbentuk secara semula jadi di sepanjang 454 kilometer Sungai Perak.

Daripada jumlah itu, sebanyak 57 pulau dikesan terdapat di daerah Perak Tengah diikuti 42 pulau (daerah Kuala Kangsar), 22 pulau (daerah Lenggong) serta tujuh pulau di daerah Hilir Perak.

Pulau termasuk yang bersambung dengan tebing adalah rizab sungai iaitu kawasan yang terletak kira-kira 50 meter dari tebing asal, tetapi didapati sudah diteroboh oleh penduduk dengan menanam sawit, tanaman konitan dan menjadi kawasan ternakan haiwan.

Di sudut sungai yang berselekeh pula ia berdepan masalah hakisan



FOTO ABDULLAH YUSOF / BH

Antara kawasan aliran air yang cetek hanya sedalam paras lutut lelaki dewasa di Sungai Perak.

seperti berakui di kawasan Leyang-layang Kanan apabila terdapat runtuhan tebing di jalan raya berdekatan sungai di kampung berkenaan, tidak jauh dari lokasi yang sudah dipasang bongkah batu untuk menahan hakisan.

Seorang penduduk, Normadiah Norzali, 53, yang rumahnya terletak berhampiran kawasan itu, berkata dia bimbang runtuhan itu menjadi bertambah besar yang turut boleh membahayakan mereka yang tinggal berhampiran.